



1. KATEGORI PERTANDINGAN

- i. Pertandingan ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:
 - a) **Kategori Sekolah Rendah (Lelaki & Perempuan)**
 - b) **Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional (Lelaki & Perempuan)**
 - c) **Kategori Terbuka (Lelaki & Perempuan)**

2. SYARAT-SYARAT PESERTA

- ii. Yuran penyertaan dikenakan adalah **sebanyak RM10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja)** bagi kategori Sekolah Rendah, **RM15.00 (Ringgit Malaysia : Lima Belas Sahaja)** bagi kategori Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional dan **RM20.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Sahaja)** bagi kategori Terbuka.

3. MASA

- i. Setiap peserta diberi masa selama dua jam tiga puluh minit sahaja.

4. PERALATAN

- i. Setiap peserta dikehendaki membawa peralatan sendiri termasuk dakwat dan pen. Peserta tidak dibenarkan meminjam sebarang peralatan daripada peserta lain semasa pertandingan.
- ii. Peserta boleh menggunakan sebarang jenis pen khat. Dicadangkan peserta menggunakan mata pen bersaiz 5.0mm untuk khat thuluth, 3.0mm untuk khat nasakh dan 2.0mm untuk khat riq'ah.
- iii. Teks hendaklah ditulis menggunakan dakwat. Penggunaan pensel sebagai tulisan adalah dilarang, namun pensel boleh digunakan sebagai lakaran.
- iv. Peserta boleh menggunakan dakwat berwarna hitam/biru sahaja.
- v. Warna-warna lain boleh digunakan untuk awan larat yang sederhana dan tidak menghilangkan tulisan khat (maksima tiga warna sahaja).
- vi. Semua bahan bantuan seperti buku rujukan, catatan lakaran siap, contoh zukhruf dan acuan corak tidak dibenarkan dibawa ke dalam dewan semasa pertandingan. (Jangka Lukis dan Pembaris dibenarkan).
- vii. Penganjur hanya menyediakan kertas jenis Art Paper 230gsm bersaiz A3.

5. JENIS KHAT YANG DIPERTANDINGKAN

- i. Peringkat sekolah rendah ;
 - a. Nasakh
 - b. Riqaaah
- ii. Peringkat Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional dan Terbuka;
 - a. Thuluth
 - b. Nasakh
 - c. Riqaaah

6. PEMBAHAGIAN MARKAH

- i. Setiap peserta akan dihakimi mengikut aspek-aspek berikut:
 - a. Kaedah dan keaslian tulisan (50 markah)**
 - Teks yang ditulis hendaklah lengkap dan sempurna.
 - Menepati kaedah khat mengikut jenisnya.
 - Kekuatan huruf.
 - Sambungan huruf yang betul.
 - b. Susunan dan kreativiti (30 markah)**
 - Susunan mengikut kesesuaian khat.
 - Keseragaman huruf.
 - Keseragaman kedudukan baris.
 - c. Hiasan dan kekemasan (20 markah)**
 - Motif zukhruf islamiah (hiasan tepi) sahaja.
 - Kemahiran mengendalikan dakwat.
 - Kertas yang bebas daripada dakwat yang berlebihan.
- ii. Setiap kesalahan akan dipotong 1 markah, maksimum 3 markah akan dipotong bagi setiap kesalahan yang berulang.
- iii. Peserta yang mendapat markah tertinggi akan diisytiharkan sebagai johan pertandingan, seterusnya tempat kedua dan ketiga. Sekiranya berlaku persamaan markah, maka penentuan pemenang akan dirujuk kepada markah kaedah, seterusnya susunan. Sekiranya masih berlaku persamaan markah, jemaah hakim akan bersidang untuk menentukan pemenang.
- iv. Keputusan jemaah hakim adalah muktamad.

7. HADIAH PERTANDINGAN

Hadiah pertandingan bagi setiap kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

JOHAN

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

NAIB JOHAN

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

KETIGA

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

8. LAIN-LAIN KETERANGAN

- i. Sebarang kemalangan dan/atau kecederaan ke atas peserta semasa pertandingan ini berlangsung adalah di atas tanggungjawab peserta dan tidak boleh dituntut daripada pihak penganjur.
- ii. Semua syarat-syarat dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur adalah wajib dipatuhi oleh setiap peserta.
- iii. Keputusan hakim pertandingan adalah muktamad, sebarang bantahan tidak akan dilayan oleh pihak penganjur pertandingan.
- iv. **Borang Pendaftaran dan Borang Pengesahan Bayaran Yuran (beserta slip transaksi dari bank)** yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada **Penyelaras pertandingan** seperti maklumat di bawah selewat-lewatnya pada atau sebelum **28 JULAI 2023 (JUMAAT)**.
- v. Sebarang makluman atau pertanyaan berhubung perkara ini boleh hubungi Penyelaras Pertandingan Seni Khat:
 - Dr. Ahmad Mustapha Mohamad Pazi (+6014-2233122) / mustapha@upm.edu.my
 - Dr. Hanisah Kamilah Abd Razak (+6014-9037024) / hanisahkamilah@upm.edu.my